

03 OCT 2003

OIC-Sri Lanka

WICKREMESINGHE DIJEMPUT LAWAT M'SIA SEKALI LAGI

Oleh: Feizal Samath

COLOMBO, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe telah dijemput oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri Sidang kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan di Putrajaya, dari 11 hingga 18 Okt.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, Wickremesinghe, telah dijemput untuk menghadiri sesi pembukaan dan penutup persidangan itu.

Jika pemimpin Sri Lanka itu menerima jemputan berkenaan, besar kemungkinan ya, ia akan menjadi lawatan kedua beliau dalam tempoh lebih sebulan.

Wickremesinghe melawat Kuala Lumpur pada bulan lepas juga atas jemputan Dr Mahathir.

Lawatan itu adalah susulan kepada satu seminar perniagaan dan pelaburan Sri Lanka yang berlangsung di Kuala Lumpur yang turut disertai oleh tiga Menteri dan satu delegasi peringkat tinggi negara itu.

Kenyataan itu berkata pemimpin Malaysia dalam jemputannya berkata beliau berharap Perdana Menteri Sri Lanka itu dapat hadir kerana ia akan memberi peluang untuk mengeratkan lagi hubungan baik antara Sri Lanka dan negara-negara Islam dan juga memperbaharui hubungan ekonomi, sosial dan budaya bersama mereka.

Syarikat-syarikat Malaysia semakin menunjukkan minat dalam pelaburan di Sri Lanka khasnya selepas gencatan senjata selama 20-bulan dan prospek keamanan jangka panjang di pulau yang dilanda perang saudara itu.

Rundingan keamanan terhenti sejak April 2003 ekoran pertikaian mengenai pewujudan pentadbiran sementara Tamil dan rundingan dijangka disambung pada lewat bulan ini.

Sila layari www.bernama.com/oicsummit untuk berita-berita berkaitan OIC Putrajaya.

-- BERNAMA

FS AZZ PR